

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
[MERSING]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD [MERSING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian Kesihatan bersedia untuk mengkaji tempoh latihan 'housemanship' dari dua tahun kepada setahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Perubatan Malaysia (MMC) adalah sebuah badan regulatori yang ditubuhkan di bawah Akta Perubatan 1971. Seseorang graduan perubatan warganegara Malaysia atau pasangan warganegara Malaysia yang ingin menjalani latihan siswazah di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia wajib berdaftar dengan MMC selaras dengan Seksyen 12 Akta Perubatan Malaysia. Jawatankuasa Pendidikan Perubatan (Medical Education Committee) MMC sedang dalam proses mengemaskini '*Standards*' untuk latihan siswazah. Selepas '*Standards*' tersebut diluluskan oleh MMC, Jawatankuasa Latihan Siswazah MMC akan mengkaji semula tempoh masa latihan siswazah tersebut sama ada Pegawai Perubatan Siswazah dapat mencapai '*Standards*' tersebut dalam masa setahun. Pada masa ini MMC masih mengekalkan tempoh latihan bagi Pegawai Perubatan Siswazah selama 2 tahun.

Sekian, terima kasih.